

UPSI/PEND/BG1/597(2)

13 Mei 2010  
28 Jamadilawal 1431H

**SPP UPSI BIL. 2 TAHUN 2010**

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**CUTI GANTIAN KAKITANGAN BUKAN AKADEMIK KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan hormatnya SPP 3 Tahun 2009 berkaitan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dengan ini dimaklumkan, kakitangan bukan akademik UPSI bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional tidak dibenarkan memohon cuti gantian kerana bertugas lebih masa pada hari bekerja biasa, hari cuti am atau hari kelepasan mingguan.

3. Walau bagaimanapun, peraturan ini diberi sedikit kelonggaran selaras dengan Peraturan 40 Perintah Am Bab C: Cuti 1974 tertakluk kepada tugas-tugas kecemasan di mana jika ianya tidak dilaksanakan boleh menjejaskan atau memudaratkan atau memutuskan sesuatu perkhidmatan yang sedang dijalankan.

4. Bagi maksud di atas, pemohon perlu mengemukakan permohonan Cuti Gantian mengikut peraturan yang sedia ada dan kelulusan tertakluk kepada tugas-tugas yang diarahkan tersebut.

5. Bagi kakitangan bukan akademik dan Guru yang hadir dengan jayanya Kursus Biro Tata Negara (BTN), bilangan hari cuti gantian hanya diluluskan untuk tempoh kursus yang jatuh pada hari cuti am atau cuti mingguan sahaja dan permohonan dibuat mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa.

6. Surat pekeliling pentadbiran ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"PENDIDIKAN GEMILANG MENUJU WAWASAN"**

Yang benar,

**(DATO' RUSLEY BIN TAIB)**

Pendaftar  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k Y. Bhg. Dato' Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)